

AIA PUBLIC Takaful Dana Berkaitan Pelaburan

Laporan Prestasi

Bagi Tahun Kewangan Berakhir
31 Disember 2020



aia.com.my



**AIA PUBLIC
TAKAFUL**

KANDUNGAN

Mesej Daripada CEO	01 - 02
Tinjauan Pasaran bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2020	03 - 06
Jadual Perbandingan Prestasi	07 - 22
Butiran Pelaburan	23 - 31
Kenyataan Pihak Pengurus	32
Laporan Juruaudit Bebas kepada Pemegang Sijil	33 - 36
Penyata Aset dan Liabiliti	37 - 38
Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan	39
Penyata Perubahan dalam Nilai Aset Bersih milik Pemegang Sijil	40
Nota-nota kepada Maklumat Kewangan	41 - 44

CEO's Message	45 - 46
Market Review for the Financial Year Ended 31 December 2020	47 - 50
Comparative Performance Table	51 - 66
Details of Investments	67 - 75
Statement by Manager	76
Independent Auditors' Report to the Certificate Holders	77 - 80
Statement of Assets and Liabilities	81 - 82
Statement of Income and Expenditure	83
Statement of Changes in Net Asset Value attributable to Certificate Holders	84
Notes to the Financial Information	85 - 88

MESEJ DARIPADA CEO

Para pemegang sijil yang dihargai,

Terima kasih atas kepercayaan berterusan anda terhadap AIA PUBLIC Takaful Bhd. (AIA PUBLIC Takaful). Kami amat menghargai kepercayaan yang telah diberikan kepada kami bagi memenuhi aspirasi anda sekeluarga bagi mencapai Hidup Lebih Sihat, Berpanjangan dan Bermakna.

Ulaskan Pasaran

Meskipun pandemik coronavirus 2019 ("COVID-19") dan ketidaktentuan politik tempatan membawakan cabaran, namun prestasi pasaran ekuiti bagi tahun berakhir 2020 masih kukuh. Berikutan prestasi kukuh di sektor sarung tangan dan teknologi, Indeks FTSE Bursa Malaysia EMAS Syariah ("FBMS") meningkat 10.1%. Kenaikan mendadak di dalam sektor sarung tangan didorong oleh peningkatan permintaan serta kenaikan harga bagi sarung tangan perubatan akibat wabak COVID-19. Manakala, pertumbuhan deras sektor teknologi didorong oleh inisiatif digitalisasi oleh industri korporat dan permintaan pengguna yang lebih tinggi untuk produk dan perkhidmatan teknologi menyebabkan Indeks Teknologi Bursa Malaysia meningkat 83.9% pada tahun 2020. Berbanding dengan pasaran serantau, pasaran tempatan berprestasi rendah berbanding Indeks MSCI Asia (Kecuali Jepun) dan Indeks MSCI Dunia, yang masing-masing meningkat 20.9% dan 12.6%. Meskipun pertumbuhan ekonomi global dan pendapatan korporat mengalami penyusutan deras, namun pasaran saham tempatan dan global berjaya pulih secara mantap daripada penjualan mendadak pada bulan Mac 2020. Pasaran ekuiti global disokong oleh rangsangan fiskal yang belum pernah disaksikan sebelum ini, dibantu oleh pelonggaran dasar monetari yang telah meningkatkan likuiditi pasaran modal. Kami bangga mengumumkan dana ekuiti dan dana seimbang bagi Pelan Berkaitan Pelaburan ("ILP") yang diuruskan secara dalaman berjaya menghasilkan pulangan positif yang mantap sebanyak +21% hingga +24%, mengatasi penanda aras masing-masing dengan pulangan berlebihan atau alpha positif.

Dari segi pasaran pendapatan tetap, sukuk kerajaan Malaysia meningkat merentasi lengkungan ekoran Bank Negara Malaysia ("BNM") mengumumkan pemotongan Kadar Dasar Semalaman ("OPR") sebanyak 125 bps daripada 3.00% kepada 1.75% pada tahun 2020 untuk meringankan beban ekonomi akibat COVID-19. BNM juga telah menurunkan nisbah Keperluan Rizab Berkanun ("SRR") dari 3.00% ke 2.00% dan memberikan fleksibiliti kepada bank-bank untuk menggunakan Sekuriti Kerajaan Malaysia ("MGS") dan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia ("MGII") bagi mematuhi keperluan SRR. Langkah-langkah ini dilaksanakan bagi memastikan kecairan mencukupi di dalam sistem kewangan domestik. Dari segi penarafan negara, S&P telah mengemaskini prospek Malaysia daripada stabil ke negatif dan mengesahkan penarafan kepada A-, memandangkan agensi penarafan menjangkakan Malaysia akan menghadapi risiko peningkatan kemerosotan selanjutnya dalam struktur fiskalnya bagi 2 tahun yang akan datang. Sementara itu, Fitch Ratings menetapkan penarafan Malaysia daripada A- kepada BBB+ ekoran metrik kredit utama yang lemah disebabkan keseriusan dan jangka masa krisis pandemik yang memerlukan tindak balas fiskal yang kuat yang pasti akan membebani lagi hutang negara yang sudah tinggi. Sebaliknya, Moody telah mengekalkan penarafan stabil A3 Malaysia. Secara keseluruhannya, sukuk kerajaan Malaysia menyusut dalam tempoh yang dikaji, di mana hasil MGII 10Y menurun sebanyak 63 bps ke 2.82%. Namun, perlu diambil perhatian bahawa dana sukuk kami yang diuruskan secara dalaman menghasilkan pulangan positif hampir 7% pada tahun lalu.

Tinjauan

Selaras dengan pelancaran vaksin pada tahun 2021, kami menjangkakan pembukaan semula ekonomi-ekonomi utama serata dunia, diikuti dengan pemulihan ekonomi secara serentak. Secara global, sekiranya tiada tekanan inflasi jangka pendek ke sederhana, dasar monetari dan fiskal dijangka akan tetap akomodatif dan akan menyumbang terhadap penjana semula ekonomi pada tahun 2021. Kami percaya bahawa pelonggaran dasar monetari BNM telah mencapai tahap maksimumnya sementara sebarang pengetatan dasar monetari adalah bergantung kepada trajektori pertumbuhan, pelancaran

MESEJ DARIPADA CEO (SAMB.)

vaksin dan prospek inflasi penarikan permintaan. Sementara itu, USD yang lemah di bawah dasar rangsangan dan hutang tinggi Presiden Biden akan mendorong penjana modal ke pasaran baru muncul. Secara tempatan, pemulihan semula projek infrastruktur yang terhenti seperti Laluan Rel Pantai Timur ("ECRL") dan Laluan Transit Massa ("MRT3"), pengalihan perdagangan ke Malaysia hasil ketegangan semasa AS-China, dan pemulihan harga komoditi seperti minyak sawit dan minyak mentah akan mendorong pertumbuhan dan eksport di masa depan.

Kami mengambil pendekatan optimis namun berwaspada terhadap prospek pasaran ekuiti tempatan berikutan jangkaan pemulihan pendapatan korporat yang disokong oleh penilaian dan kecairan yang sewajarnya. Bagi pasaran pendapatan tetap, kami berpendapat bahawa hasil telah mencapai paras terendahnya namun tetapi diimbangi oleh kecairan yang mencukupi dan penilaian relatif menarik hasil sukuk kerajaan tempatan. Risiko utama tinjauan ini adalah kemungkinan kelewatan pelaksanaan vaksinasi massa dan penurunan penarafan negara.

Peluang

- Pembukaan semula ekonomi global membawakan kepada pemulihan ekonomi yang serentak.
- Dasar monetari dan fiskal yang akomodatif bagi menyokong kecairan.
- Peralihan ke pasaran baru muncul daripada pasaran maju.
- Pemulihan harga komoditi seperti minyak mentah dan minyak sawit mentah.
- Pemulihan semula projek infrastruktur bagi menyokong pertumbuhan ekonomi.
- Ketegangan perdagangan yang berterusan mungkin mengakibatkan peralihan perdagangan dan pelaburan ke dalam Malaysia, justeru dapat meningkatkan Pelaburan Langsung Asing ("FDI") dan eksport yang lebih tinggi dalam negara.

Ancaman

- Wabak COVID-19 yang semakin teruk dan berpanjangan.
- Penirusan Rizab Persekutuan AS ("Fed") yang lebih awal dari jangkaan.
- Kemungkinan penurunan penarafan Malaysia sekiranya terdapat tanda-tanda penyimpangan daripada struktur fiskal atau ketidaktentuan politik yang mungkin mempengaruhi pelaksanaan dasar kerajaan.
- Ketidaktentuan politik

Sekali lagi, kami ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan atas sokongan anda yang berterusan kepada AIA PUBLIC Takaful dan memberi kami peluang bagi memenuhi keperluan kesihatan, kekayaan dan perlindungan anda. Pasukan pelaburan kami yang terdiri daripada mereka yang berkelayakan tinggi dan profesional dalam bidang pelaburan akan terus berkhidmat berlandaskan falsafah pelaburan AIA PUBLIC Takaful, pelan pengurusan risiko yang kukuh dan tadbir urus korporat yang baik. Akhir kata, kami mendoakan anda dan seisi keluarga dipelihara dan diberikan kesihatan yang baik dan kebahagiaan sepanjang masa dan semoga kita sekalian dapat mangharungi segala cabaran semasa dan kembali lebih teguh dan berjaya.

Yang benar,

Elmie Aman Najas

Ketua Pegawai Eksekutif,
AIA PUBLIC Takaful Bhd.

TINJAUAN PASARAN

TINJAUAN PASARAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

1. Ulasan Pasaran Saham Tempatan

Ulasan Pasaran

Meskipun pandemik COVID-19 dan ketidaktentuan politik tempatan membawakan cabaran, namun prestasi pasaran ekuiti Malaysia bagi tahun berakhir 2020 masih kukuh. Berikutan prestasi kukuh di sektor sarung tangan dan teknologi, Indeks FBMS meningkat 10.1%. Kenaikan mendadak di dalam sektor sarung tangan didorong oleh peningkatan permintaan serta kenaikan harga bagi sarung tangan perubahan akibat wabak COVID-19. Manakala, pertumbuhan deras sektor teknologi didorong oleh inisiatif digitalisasi oleh industri korporat dan permintaan pengguna yang lebih tinggi untuk produk dan perkhidmatan teknologi menyebabkan Indeks Teknologi Bursa Malaysia meningkat 83.9% pada tahun 2020. Sejalan dengan unjuran, sektor-sektor yang paling buruk prestasinya di Papan Bursa Malaysia adalah sektor-sektor yang terjejas akibat sekatan pergerakan dan sekatan rentas sempadan, terutamanya sektor yang berkaitan dengan pelancongan seperti syarikat penerbangan dan pengendali runcit. Sektor minyak & gas juga terjejas akibat penyusutan mendadak di dalam aktiviti perjalanan global dan penurunan harga minyak brent kepada USD52/setong pada akhir tahun 2020 berbanding US68/setong pada tempoh yang sama pada tahun 2019.

Berbanding dengan pasaran serantau, pasaran tempatan berprestasi rendah berbanding Indeks MSCI Asia (Kecuali Jepun) dan Indeks MSCI Dunia, yang masing-masing meningkat 20.9% dan 12.6%. Meskipun pertumbuhan ekonomi global dan pendapatan korporat mengalami penyusutan deras, namun pasaran saham tempatan dan global berjaya pulih secara mantap daripada penjualan mendadak pada bulan Mac 2020. Pasaran ekuiti global disokong oleh rangsangan fiskal yang belum pernah disaksikan sebelum ini, dibantu oleh pelonggaran dasar monetari yang telah meningkatkan likuiditi pasaran modal.

Tinjauan Pasaran

Bagi tahun 2021, kami mengambil pendekatan optimis namun berwaspada terhadap prospek pasaran ekuiti. Selaras dengan pelancaran vaksin pada tahun 2021, kami menjangkakan pembukaan semula ekonomi-ekonomi utama serata dunia, diikuti dengan pemulihan ekonomi secara serentak. Secara global, sekiranya tiada tekanan inflasi jangka pendek ke sederhana, dasar monetari dan fiskal dijangka akan tetap akomodatif dan akan menyumbang terhadap penjaan semula ekonomi pada tahun 2021. Memandangkan prospek hasil jangka panjang yang menggalakkan seiring dengan momentum yang dijanakan oleh pemulihan ekonomi, dana-dana dijangka akan menyalur daripada sukuk ke dalam ekuiti. Sementara itu, USD yang lemah di bawah dasar rangsangan dan hutang tinggi Presiden Biden akan mendorong penjaan modal ke pasaran baru muncul. Secara tempatan, pemulihan semula projek infrastruktur yang terhenti seperti Laluan Rel Pantai Timur ("ECRL") dan Laluan Transit Massa ("MRT3"), pengalihan perdagangan ke Malaysia hasil ketegangan semasa AS-China, dan pemulihan harga komoditi seperti minyak sawit dan minyak mentah akan mendorong pertumbuhan dan eksport di masa depan.

Namun, risiko pasaran mungkin timbul sekiranya terdapat sebarang penangguhan di dalam pelaksanaan vaksinasi besar-besaran. Peningkatan di dalam kes-kes baru di Malaysia dan serata dunia sememangnya membimbangkan kerana ianya mungkin menangguhan proses pemulihan ekonomi. Memandangkan paras hutang siling semasa dan juga defisit fiskal, kemampuan kerajaan menjanakan dana ke arah pemulihan ekonomi agak terhad sekiranya ekonomi negara menyusut lagi disebabkan lanjutan sekatan. Dari segi politik, ketidaktentuan masih timbul memandangkan sokongan terhadap kerajaan semasa tidak kukuh, dan wujudnya kemungkinan besar Pilihan Raya Umum ke-15 akan diadakan selepas pandemik COVID-19 terkawal.

TINJAUAN PASARAN (SAMB.)

TINJAUAN PASARAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 (SAMB.)

1. Ulasan Pasaran Saham Tempatan (samb.)

Peluang

- Saham-saham yang akan beransur pulih sejajar dengan pengaktifan semula ekonomi-ekonomi utama akan menjanakan pendapatan.
- Potensi pengaktifan semula projek-projek infrastruktur yang terhenti, bagi menyokong pertumbuhan ekonomi.
- Pengalihan perdagangan ke Malaysia disebabkan ketegangan semasa AS-China.
- Pemulihan harga komoditi seperti minyak sawit dan minyak mentah kemungkinan akan mendorong pertumbuhan dan eksport di masa depan.
- Kedudukan USD yang lemah di bawah dasar-dasar Presiden Biden yang bertemakan rangsangan dan hutang yang lebih tinggi kemungkinan akan mendorong aliran modal ke pasaran baru muncul.
- Prospek hasil jangka panjang yang menggalakkan seiring dengan pemulihan ekonomi, dana-dana dijangka akan beralih daripada sukuk ke dalam ekuiti.

Ancaman

- Kes-kes COVID-19 yang semakin meningkat boleh membawakan kesan negatif terhadap pertumbuhan global, harga komoditi dan pendapatan korporat.
- Memandangkan paras hutang siling semasa dan defisit fiskal, kemampuan kerajaan menjanakan dana ke arah pemulihan ekonomi agak terhad sekiranya ekonomi negara menyusut lagi disebabkan lanjutan sekatan.
- Risiko penjualan mendadak oleh para pelabur sekiranya Pilihan Raya Umum ke-15 dilaksanakan selepas sekatan dilonggarkan dan pandemik COVID-19 terkawal.

TINJAUAN PASARAN (SAMB.)

TINJAUAN PASARAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 (SAMB.)

2. Ulasan Pasaran Sukuk Tempatan

Ulasan Pasaran

Pandemik COVID-19 telah membawakan gejala yang tidak pernah dialami sebelum ini dan telah menjejaskan ekonomi dan pasaran kewangan global secara ketara pada tahun 2020. Seajar dengan usaha-usaha mengurangkan kesan-kesan kemelesetan, bank-bank pusat dan kerajaan-kerajaan sedunia telah melaksanakan langkah-langkah monetari dan fiskal yang mendadak bagi membendung krisis pandemik ini. Rizab Persekutuan A.S. ("Fed") telah mengurangkan kadar dana persekutuan sebanyak 150 bps pada tahun 2020 untuk menjadikan batas atas ke 0.25% dan batas bawah ke 0%. Seajar dengan kemungkinan pelancaran vaksin COVID-19 serta pemulihan ekonomi global menjelang akhir tahun ini, sentimen lebih berisiko telah mendorong para pelabur mencari hasil yang lebih tinggi di pasaran baru muncul dan sentimen ini memanfaatkan pasaran bon Malaysia. Para pelabur asing merupakan pelabur utama sekuriti hutang Malaysia dengan aliran masuk bersih sebanyak MYR18.3 bilion. Walaupun aliran masuk meningkat, pemegangan asing dalam bon kerajaan Malaysia iaitu Sekuriti Kerajaan Malaysia ("MGS") dan Terbitan Pelaburan Kerajaan ("GII"), menyusut sedikit kepada 25.1% pada Disember 2020 (berbanding 25.2% pada Disember 2019) disebabkan terbitan lebihan bon kerajaan. Ringgit Malaysia ("MYR") lebih kukuh berbanding USD disebabkan kelemahan USD, serta aliran masuk modal bukan pemastautin.

Sukuk kerajaan Malaysia meningkat merentasi lengkungan ekoran Bank Negara Malaysia ("BNM") mengumumkan pemotongan Kadar Dasar Semalaman ("OPR") sebanyak 125 bps daripada 3.00% kepada 1.75% pada tahun 2020 untuk meringankan beban ekonomi akibat COVID-19. BNM juga telah menurunkan nisbah Keperluan Rizab Berkanun ("SRR") dari 3.00% ke 2.00% dan memberikan fleksibiliti kepada bank-bank untuk menggunakan Sekuriti Kerajaan Malaysia ("MGS") dan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia ("MGII") bagi mematuhi keperluan SRR. Langkah-langkah ini dilaksanakan bagi memastikan kecairan mencukupi di dalam sistem kewangan domestik. Dari segi penarafan negara, S&P telah mengemaskini prospek Malaysia daripada stabil ke negatif dan mengesahkan penarafan kepada A-, memandangkan agensi penarafan menjangkakan Malaysia akan menghadapi risiko peningkatan kemerosotan selanjutnya dalam struktur fiskalnya bagi 2 tahun yang akan datang. Sementara itu, Fitch Ratings menetapkan penarafan Malaysia daripada A- kepada BBB+ ekoran metrik kredit utama yang lemah disebabkan keseriusan dan jangka masa krisis pandemik yang memerlukan tindak balas fiskal yang kuat yang pasti akan membebani lagi hutang negara yang sudah tinggi. Sebaliknya, Moody telah mengekalkan penarafan stabil A3 Malaysia. Secara keseluruhannya, sukuk kerajaan Malaysia menyusut dalam tempoh yang dikaji, di mana hasil MGII 10Y menurun sebanyak 63 bps ke 2.82%.

TINJAUAN PASARAN (SAMB.)

TINJAUAN PASARAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 (SAMB.)

2. Ulasan Pasaran Sukuk Tempatan (samb.)

Tinjauan Pasaran

Dari segi dasar monetari, bank-bank pusat global dijangka akan tetap berpendekatan akomodatif manakala dasar fiskal akan terus berkembang bagi menyokong pertumbuhan. Kami percaya bahawa pelanggaran dasar monetari BNM telah mencapai tahap maksimumnya sementara sebarang pengetatan dasar monetari adalah bergantung kepada trajektori pertumbuhan, pelancaran vaksin dan prospek inflasi penarikan permintaan. Seiring dengan perkembangan bajet bagi meningkatkan pertumbuhan dan menyokong pemulihan ekonomi, defisit fiskal yang lebih luas diiringi penawaran sekuriti kerajaan yang lebih tinggi akan terus mempengaruhi keluk hasil. Walau bagaimanapun, ianya diimbangi oleh likuiditi tempatan dengan pelanjutan sehingga 31 Disember 2022 bagi kelayakan MGS dan GII bagi pematuhan SRR. Selain itu, penambahbaikan nilai-nilai asas, reflasi dan prospek kelemahan USD akan menyokong pemulihan harga minyak dan seterusnya mengukuhkan kedudukan MYR. Ditambah dengan penilaian relatif hasil sukuk kerajaan tempatan akan memastikan pelaburan bukan pemastautin dalam sukuk tempatan akan tetap stabil. Dari segi penarafan negara, kami mengambil perhatian bahawa hutang negara yang tinggi berbanding KDNK dan defisit fiskal yang lebih luas akan berterusan menimbulkan risiko penurunan penarafan, tambahan sebarang penyimpangan daripada struktur fiskal atau ketidakstabilan politik mungkin akan menjejaskan penarafan.

Peluang

- Situasi makro yang baik ekoran pemulihan ekonomi global akan menyokong pemulihan harga komoditi serta prospek USD yang lemah, akan mengukuhkan kedudukan MYR.
- Potensi pengaliran dana hasil daripada para pelabur asing ke dalam pasaran sukuk tempatan berdasarkan penilaian relatif menarik berbanding pasaran serantau.

Ancaman


- Aliran keluar modal dana asing sekiranya Indeks Bon Kerajaan Dunia (WGBI) FTSE mengesahkan pengecualian MGS daripada indeks.
- Kemungkinan penurunan penarafan Malaysia sekiranya terdapat tanda-tanda penyimpangan daripada struktur fiskal atau ketidaktentuan politik yang mungkin mempengaruhi pelaksanaan dasar kerajaan.
- Potensi varian baru COVID-19 dan kelewatan program vaksinasi yang boleh menunda proses pemulihan.
- Pembangunan reflasi AS yang lebih cepat daripada unjuran yang mungkin mendorong pertimbangan penirusan program pembelian aset yang lebih awal oleh Fed.

JADUAL PERBANDINGAN PRESTASI

01. A-DANA INCOME

Bagi tahun kewangan 2020, berdasarkan nilai bersih, Dana telah memberikan pulangan sebanyak 6.84% berbanding penanda aras 2.41%. Pemegangan Dana dalam sukuk korporat yang menjanakan pendapatan keuntungan yang tinggi telah menyumbang kepada prestasi. Bagi tempoh 5 tahun yang ditinjau, Dana telah memberikan pulangan sebanyak 35.56% berbanding pulangan penanda aras sebanyak 17.92%. Prestasi positif Dana berpunca daripada pulangan pendapatan keuntungan tinggi dan pemampatan penyebaran kredit. Sejak penubuhannya pada Mac 2011, Dana telah mencatatkan pulangan kumulatif sebanyak 66.74% berbanding pulangan kumulatif penanda aras sebanyak 38.20%.

Prestasi Sejarah



Prestasi pada 31 Disember 2020

Prestasi Kumulatif	1 Bulan	1 Tahun	3 Tahun	5 Tahun	Sejak Permulaan
	Nov 20 - Dis 20	Dis 19 - Dis 20	Dis 17 - Dis 20	Dis 15 - Dis 20	Mac 11 - Dis 20
A-Dana Income	0.48%	6.84%	23.88%	35.56%	66.74%
Indeks*	0.17%	2.41%	9.83%	17.92%	38.20%
Lebih prestasi	0.31%	4.43%	14.05%	17.64%	28.54%

* Kadar Tahap 1 Akaun Pelaburan Umum (Islam) 12 bulan Maybank (Sumber: Laman web Maybank)

Notis: Prestasi lepas bukanlah penanda bagi prestasi masa hadapan. Prestasi dana juga tidak dijamin.

JADUAL PERBANDINGAN PRESTASI (SAMB.)

01. A-DANA INCOME (SAMB.)

Apakah strategi masa depan?


Di kala pengagihan vaksin semakin deras diagihkan, kes-kes COVID-19 masih tetap berada di paras yang tinggi. Di masa depan yang terdekat, kemudahan dasar monetari global dijangka dikekalkan diiringi ketidaktentuan kadar faedah bagi menghadapi era pasca pandemik. Dengan saluran sukuk korporat dan sukuk jaminan Kerajaan yang baru dijangkakan ekoran pemulihan semula projek-projek infrastruktur, ia akan menyediakan para pelabur jalan untuk peningkatan hasil dan kepelbagaian dalam ruang sukuk korporat. Kami menjangkakan lekuk GII semasa akan tetap curam kerana sukuk jangka pendek akan tetap menjadi pilihan institusi perbankan manakala sukuk jangka panjang akan dikekalkan dengan tinjauan pertumbuhan yang positif dan kemungkinan tambahan penawaran sukuk kerajaan bagi memenuhi perbelanjaan fiskal.

Pendirian kami dari segi jangka masa tetap neutral memandangkan kami akan terus berdagang mengikut momentum bagi sukuk kerajaan, menerusi peluang perdagangan di pertengahan keluk. Peruntukan aset kami akan terus memihak kepada sukuk korporat berbanding sukuk kerajaan sebagai strategi defensif dan peningkatan hasil.

Adakah terdapat sebarang perubahan dalam matlamat pelaburan atau ciri-ciri risiko dana?

Tidak. Kami akan terus memberi tumpuan terhadap memaksimumkan jumlah pulangan daripada pertumbuhan pendapatan dan modal dengan melabur dalam sukuk gred pelaburan dan instrumen pasaran wang Islam di Malaysia, sambil meminimumkan risiko pelaburan semula.

Pendedahan Aset A-Dana Income pada 31 Disember 2020



JADUAL PERBANDINGAN PRESTASI (SAMB.)

01. A-DANA INCOME (SAMB.)

Pembahagian sektor:

Kategori/Sektor	31 Dis 2020	31 Dis 2019	31 Dis 2018	30 Nov 2017	30 Nov 2016
Pertanian, Perhutanan & Perikanan	-	2%	-	-	-
Tunai dan Setara Tunai	1%	5%	3%	5%	5%
Pembinaan	9%	20%	18%	21%	5%
Elektrik, Gas & Air	14%	18%	17%	15%	21%
Kewangan, Insurans, Hartanah & Perkhidmatan Perniagaan	8%	15%	13%	23%	40%
Kerajaan & Lain-lain Perkhidmatan	32%	4%	13%	5%	11%
Pembuatan	8%	12%	13%	-	-
Perlombongan	8%	-	-	-	-
Pengangkutan, Pergudangan & Komunikasi	15%	17%	23%	31%	18%
Borong, Dagangan Runcit, Hotel dan Restoran	5%	7%	-	-	-
Jumlah	100%	100%	100%	100%	100%

JADUAL PERBANDINGAN PRESTASI (SAMB.)

01. A-DANA INCOME (SAMB.)

Analisis perubahan dalam Nilai Bersih Aset ("NAV")


	31 Dis 2020	31 Dis 2019	31 Dis 2018	30 Nov 2017	30 Nov 2016
Jumlah NAV (RM)	122,613,242	77,647,334	40,682,515	32,431,004	25,288,703
Bilangan Unit	147,071,825	99,508,071	57,002,727	48,368,712	39,626,245
NAV/Unit (RM)	0.834	0.780	0.714	0.670	0.638
NAV tertinggi sepanjang tahun (RM)	0.836	0.784	0.714	0.671	0.691
NAV terendah sepanjang tahun (RM)	0.771	0.714	0.673	0.638	0.612
Cukai (%)	8	8	8	8	8
Jumlah pulangan tahunan dana berdasarkan pertumbuhan modal	6.84%	9.44%	5.94%	5.02%	4.08%
Purata pulangan tahunan					
1-Tahun	6.84%	9.44%	5.94%	5.02%	4.08%
3-Tahun	7.40%	6.66%	5.05%	4.04%	3.47%
5-Tahun	6.27%	5.54%	4.32%	3.65%	3.98%
Prestasi pulangan tahunan Indeks Penanda Aras					
1-Tahun	2.41%	3.49%	3.63%	3.42%	3.88%
3-Tahun	3.17%	3.50%	3.62%	3.65%	3.60%
5-Tahun	3.35%	3.61%	3.57%	3.49%	3.46%

JADUAL PERBANDINGAN PRESTASI (SAMB.)

02. A-DANA EQUITY

Bagi tahun kewangan 2020, berdasarkan nilai bersih, Dana telah memberikan pulangan sebanyak 23.84% berbanding pulangan penanda aras sebanyak 9.84%. Peningkatan prestasi ini disebabkan oleh wajaran tinggi Dana di dalam sektor Penjagaan Kesihatan dan Teknologi dan wajaran rendah di dalam sektor Hartanah dan Utiliti. Dari segi pemilihan stok, Dana berwajaran tinggi di dalam Top Glove dan berwajaran rendah di dalam SP Setia. Sepanjang tempoh 5 tahun, Dana telah memberikan pulangan 17.82% berbanding pulangan penanda aras sebanyak 3.62%. Peningkatan prestasi ini disebabkan oleh wajaran tinggi Dana di dalam sektor Penjagaan Kesihatan, Teknologi dan Tenaga dan wajaran rendah di dalam sektor Hartanah. Sejak pelancarannya pada Mac 2011, Dana telah mencatatkan pulangan kumulatif sebanyak 69.90% berbanding pulangan kumulatif penanda aras sebanyak 32.55%.

Prestasi Sejarah



Prestasi pada 31 Disember 2020

Prestasi Kumulatif	1 Bulan	1 Tahun	3 Tahun	5 Tahun	Sejak Permulaan
	Nov 20 - Dis 20	Dis 19 - Dis 20	Dis 17 - Dis 20	Dis 15 - Dis 20	Mac 11 - Dis 20
A-Dana Equity	-0.76%	23.84%	10.76%	17.82%	69.90%
Indeks*	0.09%	9.84%	-0.44%	3.62%	32.55%
(Bawah)/Lebih prestasi	-0.85%	14.00%	11.20%	14.20%	37.35%

* 95% FBM Emas Syariah (Sumber: Bursa Malaysia) + 5% 1 Bulan KLIBOR (Sumber: Bank Negara Malaysia)

Notis: Prestasi lepas bukanlah penanda bagi prestasi masa hadapan. Prestasi dana juga tidak dijamin.

JADUAL PERBANDINGAN PRESTASI (SAMB.)

02. A-DANA EQUITY (SAMB.)


Apakah strategi masa depan?

Dari segi kedudukan portfolio bagi ekuiti, tumpuan akan diberikan kepada syarikat-syarikat yang memiliki prinsip asas yang teguh dan pertumbuhan pendapatan yang jelas pada penilaian yang munasabah bagi menghadapi ketidaktentuan pasaran semasa. Kami juga bersedia sedia bagi prospek pemulihan ekonomi bertemakan Pilihan Raya Umum ke-15 dan meninjau syarikat-syarikat yang mempunyai nilai yang tinggi yang dijual di bawah nilainya disebabkan gejala COVID-19. Secara global, sekiranya tiada tekanan inflasi jangka pendek ke sederhana, dasar monetari dan fiskal dijangka akan tetap akomodatif pada tahun 2021. Memandangkan prospek hasil jangka panjang yang menggalakkan seiring dengan momentum yang dijanakan oleh pemulihan ekonomi, dana-dana dijangka akan beralih daripada sukuk ke dalam ekuiti. Walau bagaimanapun, memandangkan keadaan pasaran yang berterusan berubah, kami akan tetap berwaspada dan menyesuaikan strategi kami dengan sewajarnya mengikut keadaan.

Adakah terdapat sebarang perubahan dalam matlamat pelaburan atau ciri-ciri risiko dana?

Tidak. Kami akan melanjutkan pencarian pertumbuhan modal dan pendapatan jangka panjang melalui portfolio ekuiti patuh Syariah yang pelbagai.

Pendedahan Aset A-Dana Equity pada 31 Disember 2020



JADUAL PERBANDINGAN PRESTASI (SAMB.)

02. A-DANA EQUITY (SAMB.)

Pembahagian sektor:

Kategori/Sektor	31 Dis 2020	31 Dis 2019	31 Dis 2018	30 Nov 2017	30 Nov 2016
Tunai dan Setara Tunai	15%	20%	17%	8%	16%
Pembinaan	4%	6%	4%	13%	13%
Produk Pengguna	7%	8%	6%	2%	-
Tenaga	4%	6%	-	-	-
Kewangan	2%	5%	3%	3%	3%
Penjagaan Kesihatan	17%	6%	3%	-	-
Produk Perindustrian	9%	7%	15%	12%	9%
Syarikat Projek Infrastruktur	-	-	5%	2%	4%
Perladangan	7%	9%	11%	9%	10%
Hartanah	1%	1%	2%	6%	5%
Amanah Pelaburan Hartanah	1%	1%	-	-	-
Teknologi	15%	8%	2%	5%	2%
Perdagangan/Perkhidmatan	-	-	32%	40%	38%
Telekomunikasi & Media	11%	11%	-	-	-
Pengangkutan & Logistik	3%	4%	-	-	-
Utiliti	4%	8%	-	-	-
JUMLAH	100%	100%	100%	100%	100%

JADUAL PERBANDINGAN PRESTASI (SAMB.)

02. A-DANA EQUITY (SAMB.)

Analisis perubahan dalam Nilai Bersih Aset ("NAV")


	31 Dis 2020	31 Dis 2019	31 Dis 2018	30 Nov 2017	30 Nov 2016
Jumlah NAV (RM)	509,141,246	320,424,257	195,648,391	131,382,487	66,184,515
Bilangan Unit	599,339,667	467,094,383	306,253,512	174,194,551	96,068,866
NAV/Unit (RM)	0.850	0.686	0.638	0.754	0.688
NAV tertinggi sepanjang tahun (RM)	0.886	0.692	0.794	0.775	0.721
NAV terendah sepanjang tahun (RM)	0.580	0.631	0.622	0.690	0.631
Cukai (%)	8	8	8	8	8
Jumlah pulangan tahunan dana berdasarkan pertumbuhan modal	23.84%	7.52%	-16.82%	9.59%	-3.23%
Purata pulangan tahunan					
1-Tahun	23.84%	7.52%	-16.82%	9.59%	-3.23%
3-Tahun	3.46%	-0.53%	-3.99%	1.98%	1.60%
5-Tahun	3.33%	-0.06%	-1.15%	6.63%	6.59%
Prestasi pulangan tahunan Indeks Penanda Aras					
1-Tahun	9.84%	3.84%	-12.70%	8.29%	-4.44%
3-Tahun	-0.15%	0.01%	-3.15%	-0.10%	-1.94%
5-Tahun	0.71%	-0.68%	-2.19%	3.48%	4.05%

JADUAL PERBANDINGAN PRESTASI (SAMB.)

03. A-DALI EQUITY

Bagi tahun kewangan 2020, berdasarkan nilai bersih, Dana telah memberikan pulangan sebanyak -0.61% berbanding pulangan penanda aras sebanyak 10.14%. Penurunan prestasi ini disebabkan oleh wajaran rendah Dana di dalam sektor Penjagaan Kesihatan dan wajaran tinggi di dalam sektor Barangan Pengguna. Dari segi pemilihan stok, Dana berwajaran tinggi di dalam Tenaga dan Sime Darby Plantations. Sepanjang tempoh 5 tahun, Dana telah memberikan pulangan -7.85% berbanding pulangan penanda aras sebanyak 2.80%. Penurunan prestasi ini disebabkan oleh wajaran tinggi Dana di dalam sektor Perladangan dan Tenaga dan wajaran rendah di dalam sektor Penjagaan Kesihatan dan Teknologi. Sejak pelancarannya pada Februari 2013, Dana telah mencatatkan pulangan kumulatif sebanyak 5.97% berbanding pulangan kumulatif penanda aras sebanyak 20.17%.

Prestasi Sejarah



Prestasi pada 31 Disember 2020

Prestasi Kumulatif	1 Bulan	1 Tahun	3 Tahun	5 Tahun	Sejak Permulaan
	Nov 20 - Dis 20	Dis 19 - Dis 20	Dis 17 - Dis 20	Dis 15 - Dis 20	Feb 13 - Dis 20
A-DALI Equity	1.60%	-0.61%	-10.80%	-7.85%	5.97%
Indeks*	0.09%	10.14%	-1.08%	2.80%	20.17%
Lebih/(Bawah) prestasi	1.51%	-10.75%	-9.72%	-10.65%	-14.20%

* FBM Emas Syariah (Sumber: Bursa Malaysia)

Notis: Prestasi lepas bukanlah penanda bagi prestasi masa hadapan. Prestasi dana juga tidak dijamin.

JADUAL PERBANDINGAN PRESTASI (SAMB.)

03. A-DALI EQUITY (SAMB.)


Apakah strategi masa depan?

Dengan halangan besar (Pilihan Raya Presiden AS dan Belanjawan Malaysia 2021) yang kini dapat ditangani serta penilaian rendah, Pengurus Dana terus berpendirian optimis namun berwaspada bagi 1H2021. Jangkaan awal bagi pemulihan deras di 4Q2020 mungkin tertangguh (disebabkan peningkatan kes-kes COVID-19 di seluruh dunia) namun Pengurus Dana kini yakin pemulihan ekonomi pada 1H2021. Berikutan, Pengurus Dana akan melanjutkan peruntukan aset yang tinggi iaitu 90-95% dan menumpukan pada langkah-langkah pemulihan pasca COVID-19. Sektor yang akan diberi tumpuan adalah sektor Perkhidmatan Kewangan, Pengguna, Teknologi dan berkaitan Komoditi (kelemahan USD), dan pada masa yang sama mengurangkan wajarnya di sektor Penjagaan Kesihatan dan Amanah Pelaburan Harta Tanah ("REITs").

Adakah terdapat sebarang perubahan dalam matlamat pelaburan atau ciri-ciri risiko dana?

Pengurus Dana akan meneruskan usaha mencari pertumbuhan modal yang konsisten bagi tempoh sederhana hingga jangka panjang menerusi pelaburan dalam ekuiti patuh Syariah. Walau bagaimanapun, kami sedang dalam proses mengkaji strategi pelaburan Dana. Sekiranya terdapat sebarang perubahan penting, kami akan memaklumkan para pemegang sijil tiga bulan sebelum perubahan tersebut berlaku.

Pendedahan Aset A-DALI Equity pada 31 Disember 2020



JADUAL PERBANDINGAN PRESTASI (SAMB.)

03. A-DALI EQUITY (SAMB.)

Pembahagian sektor:

Kategori/Sektor	31 Dis 2020	31 Dis 2019	31 Dis 2018	30 Nov 2017	30 Nov 2016
Tunai dan Setara Tunai	6%	6%	6%	2%	4%
Dana Mutual	94%	94%	94%	98%	96%
JUMLAH	100%	100%	100%	100%	100%

Analisis perubahan dalam Nilai Bersih Aset ("NAV")


	31 Dis 2020	31 Dis 2019	31 Dis 2018	30 Nov 2017	30 Nov 2016
Jumlah NAV (RM)	11,830,395	10,704,902	9,311,552	9,030,464	7,014,279
Bilangan Unit	22,328,431	20,081,482	18,154,456	15,648,812	12,931,255
NAV/Unit (RM)	0.530	0.533	0.513	0.577	0.542
NAV tertinggi sepanjang tahun (RM)	0.543	0.546	0.609	0.595	0.585
NAV terendah sepanjang tahun (RM)	0.421	0.507	0.501	0.541	0.538
Cukai (%)	8	8	8	8	8
Jumlah pulangan tahunan dana berdasarkan pertumbuhan modal	-0.61%	4.12%	-13.80%	6.46%	-3.39%
Purata pulangan tahunan					
1-Tahun	-0.61%	4.12%	-13.80%	6.46%	-3.39%
3-Tahun	-3.74%	-0.74%	-3.79%	0.70%	-0.73%
5-Tahun	-1.62%	-0.62%	-2.09%	NA	NA
Prestasi pulangan tahunan Indeks Penanda Aras					
1-Tahun	10.14%	3.85%	-13.52%	8.56%	-4.84%
3-Tahun	-0.36%	-0.18%	-3.50%	-0.30%	-2.23%
5-Tahun	0.55%	-0.91%	-2.49%	NA	NA

JADUAL PERBANDINGAN PRESTASI (SAMB.)

04. A-DANA BALANCED

Bagi tahun kewangan 2020, berdasarkan nilai bersih, Dana telah memberikan pulangan sebanyak 21.62% berbanding penanda aras sebanyak 9.76%. Peningkatan prestasi ini disebabkan oleh wajaran tinggi Dana di dalam sektor Penjagaan Kesihatan dan Teknologi dan wajaran rendah di dalam sektor Hartanah dan Utiliti. Dari segi pemilihan stok, Dana berwajaran tinggi di dalam Top Glove dan berwajaran rendah di dalam SP Setia. Pemegangan Dana di dalam sukuk korporat yang menjanakan pendapatan keuntungan tinggi telah menyumbang kepada prestasi. Sepanjang tempoh 5 tahun, Dana telah memberikan pulangan 23.54% berbanding pulangan penanda aras sebanyak 11.75%. Peningkatan prestasi ini disebabkan oleh wajaran tinggi Dana di dalam sektor Penjagaan Kesihatan, Teknologi dan Tenaga dan wajaran rendah di dalam sektor Hartanah. Prestasi positif Dana di dalam sukuk berpunca daripada pulangan pendapatan keuntungan tinggi dan pemampatan penyebaran kredit. Sejak pelancarannya, Dana telah mencatatkan pulangan kumulatif sebanyak 54.44% berbanding pulangan kumulatif penanda aras sebanyak 38.28%.

Prestasi Sejarah



Prestasi pada 31 Disember 2020

Prestasi Kumulatif	1 Bulan	1 Tahun	3 Tahun	5 Tahun	Sejak Permulaan
	Nov 20 - Dis 20	Dis 19 - Dis 20	Dis 17 - Dis 20	Dis 15 - Dis 20	Ogos 11 - Dis 20
A-Dana Balanced	-0.09%	21.62%	16.69%	23.54%	54.44%
Indeks*	0.34%	9.76%	5.94%	11.75%	38.28%
Lebih/(Bawah) prestasi	-0.43%	11.86%	10.75%	11.79%	16.16%

* 70% FBM Emas Syariah (Sumber: Bursa Malaysia) + 30% Terbitan Semua Pelaburan Kerajaan Malaysia (Sumber: RAM QuantShop@www.quantshop.com)

Notis: Prestasi lepas bukanlah penanda bagi prestasi masa hadapan. Prestasi dana juga tidak dijamin.

JADUAL PERBANDINGAN PRESTASI (SAMB.)

04. A-DANA BALANCED (SAMB.)

Apakah strategi masa depan?

Di kala pengagihan vaksin semakin deras diagihkan, kes-kes COVID-19 masih tetap berada di paras yang tinggi. Di masa depan yang terdekat, kemudahan dasar monetari global dijangka dikekalkan diiringi ketidaktentuan kadar faedah bagi menghadapi era pasca pandemik. Dengan saluran sukuk korporat dan sukuk jaminan Kerajaan yang baru dijangkakan ekoran pemulihan semula projek-projek infrastruktur, ia akan menyediakan para pelabur jalan untuk peningkatan hasil dan kepelbagaian dalam ruang sukuk korporat. Kami menjangkakan lekuk GII semasa akan tetap curam kerana sukuk jangka pendek akan tetap menjadi pilihan institusi perbankan manakala sukuk jangka panjang akan dikekalkan dengan tinjauan pertumbuhan yang positif dan kemungkinan tambahan penawaran sukuk kerajaan bagi memenuhi perbelanjaan fiskal. Pendirian kami dari segi jangka masa tetap neutral memandangkan kami akan terus berdagang mengikut momentum bagi sukuk kerajaan, menerusi peluang perdagangan di pertengahan keluk. Peruntukan aset kami akan terus memihak kepada sukuk korporat berbanding sukuk kerajaan sebagai strategi defensif dan peningkatan hasil.

Dari segi kedudukan portfolio bagi ekuiti, tumpuan akan diberikan kepada syarikat-syarikat yang memiliki prinsip asas yang teguh dan pertumbuhan pendapatan yang jelas pada penilaian yang munasabah bagi menghadapi ketidakpastian pasaran semasa. Kami juga bersiap sedia bagi prospek pemulihan ekonomi bertemakan Pilihan Raya Umum ke-15 dan meninjau syarikat-syarikat yang mempunyai nilai yang tinggi yang dijual di bawah nilainya disebabkan gejala COVID-19. Secara global, sekiranya tiada tekanan inflasi jangka pendek ke sederhana, dasar monetari dan fiskal dijangka akan tetap akomodatif pada tahun 2021. Memandangkan prospek hasil jangka panjang yang menggalakkan seiring dengan momentum yang dijanakan oleh pemulihan ekonomi, dana-dana dijangka akan beralih daripada sukuk ke dalam ekuiti. Walau bagaimanapun, memandangkan keadaan pasaran yang berterusan berubah, kami akan tetap berwaspada dan menyesuaikan strategi kami dengan sewajarnya mengikut keadaan.


JADUAL PERBANDINGAN PRESTASI (SAMB.)

04. A-DANA BALANCED (SAMB.)

Adakah terdapat sebarang perubahan dalam matlamat pelaburan atau ciri-ciri risiko dana?

Tidak. Kami akan terus memberi tumpuan bagi memaksimumkan jumlah pulangan daripada pertumbuhan pendapatan dan modal dengan melabur dalam sukuk gred pelaburan dan instrumen pasaran wang Islam di Malaysia, sambil meminimumkan risiko pelaburan semula. Bagi bahagian ekuiti, kami akan melanjutkan pencarian pertumbuhan modal dan pendapatan jangka panjang melalui portfolio ekuiti patuh Syariah yang pelbagai.

Pendedahan Aset A-Dana Balanced pada 31 Disember 2020



JADUAL PERBANDINGAN PRESTASI (SAMB.)

04. A-DANA BALANCED (SAMB.)

Pembahagian sektor:

Kategori/Sektor	31 Dis 2020	31 Dis 2019	31 Dis 2018	30 Nov 2017	30 Nov 2016
Tunai dan Setara Tunai	12%	13%	7%	7%	4%
Pembinaan	3%	5%	2%	9%	10%
Produk Pengguna	5%	5%	4%	2%	1%
Tenaga	3%	4%	-	-	-
Sekuriti Pendapatan Tetap	25%	35%	38%	26%	30%
Kewangan	2%	3%	2%	2%	2%
Penjagaan Kesihatan	11%	4%	2%	-	-
Produk Industri	6%	4%	10%	9%	7%
Syarikat Projek Infrastruktur	-	-	3%	1%	3%
Hartanah	1%	1%	1%	4%	4%
Perladangan	5%	6%	7%	7%	8%
Amanah Pelaburan Harta Tanah	1%	1%	-	-	-
Perdagangan/Perkhidmatan	-	-	22%	29%	29%
Teknologi	14%	5%	2%	4%	2%
Telekomunikasi & Media	7%	7%	-	-	-
Pengangkutan & Logistik	2%	2%	-	-	-
Utiliti	3%	5%	-	-	-
JUMLAH	100%	100%	100%	100%	100%

JADUAL PERBANDINGAN PRESTASI (SAMB.)

04. A-DANA BALANCED (SAMB.)

Analisis perubahan dalam Nilai Bersih Aset (“NAV”)

	31 Dis 2020	31 Dis 2019	31 Dis 2018	30 Nov 2017	30 Nov 2016
Jumlah NAV (RM)	84,727,622	53,515,086	30,897,347	19,731,290	9,956,415
Bilangan Unit	54,859,699	42,142,915	26,170,833	15,133,546	8,226,093
NAV/Unit (RM)	1.544	1.270	1.181	1.304	1.210
NAV tertinggi sepanjang tahun (RM)	1.575	1.276	1.358	1.329	1.251
NAV terendah sepanjang tahun (RM)	1.130	1.172	1.157	1.212	1.199
Cukai (%)	8	8	8	8	8
Jumlah pulangan tahunan dana berdasarkan pertumbuhan modal	21.62%	7.56%	-10.80%	7.73%	-2.54%
Purata pulangan tahunan					
1-Tahun	21.62%	7.56%	-10.80%	7.73%	-2.54%
3-Tahun	5.28%	1.20%	-1.89%	2.12%	1.38%
5-Tahun	4.32%	1.24%	0.02%	4.84%	4.29%
Prestasi pulangan tahunan Indeks Penanda Aras					
1-Tahun	9.76%	5.31%	-8.35%	-0.85%	-2.42%
3-Tahun	1.94%	1.68%	-1.12%	1.43%	0.14%
5-Tahun	2.25%	0.96%	-0.01%	3.25%	3.29%

BUTIRAN PELABURAN

01. A-DANA INCOME

TERBITAN PELABURAN KERAJAAN

Kuantiti	Nama Kaunter	Kos Agregat RM	Nilai Pasaran RM	% Nilai Bersih Aset
36,500,000	ISU KERAJAAN MALAYSIA	39,624,850	39,555,550	32.26%
36,500,000		39,624,850	39,555,550	

SUKUK KORPORAT TIDAK TERCATAT

Kuantiti	Nama Kaunter	Penarafan	Kos Agregat RM	Nilai Pasaran RM	% Nilai Bersih Aset
500,000	AQUASAR CAPITAL SDN BHD	AAA (S)	528,450	582,935	0.48%
1,000,000	ABU DHABI NATIONAL ENERGY CO PJSC	Tidak ditaraf	1,001,800	1,016,460	0.83%
2,300,000	BGSM MANAGEMENT SDN BHD	AA3	2,335,680	2,492,237	2.03%
5,000,000	CELCOM NETWORKS SDN BHD	AA+ IS	5,039,000	5,622,050	4.59%
800,000	DANAINFRA NASIONAL BHD	Tidak ditaraf	870,160	881,400	0.72%
4,000,000	DRB-HICOM BHD	A+ IS	4,000,000	4,032,720	3.29%
2,800,000	EAST KLANG VALLEY EXPRESSWAY SDN BHD	AAA (BG)	3,179,970	3,329,833	2.72%
5,500,000	EDRA SOLAR SDN BHD	AA2	5,518,400	5,826,050	4.75%
3,000,000	JIMAH EAST POWER SDN BHD	AA- IS	3,146,000	3,468,850	2.83%
600,000	KONSORTIUM PROHAWK SDN BHD	AA2	599,400	688,458	0.56%
300,000	KAPAR ENERGY VENTURES SDN BHD	AA+ IS	297,180	313,707	0.26%
1,500,000	LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM	Tidak ditaraf	1,526,550	1,616,475	1.32%
2,000,000	LEADER ENERGY SDN BHD	AA- IS	2,000,000	2,011,280	1.64%
1,200,000	MALAKOFF POWER BHD	AA- IS	1,349,640	1,420,608	1.16%
1,200,000	NORTHPORT MALAYSIA BHD	AA- IS	1,230,265	1,297,980	1.06%
5,500,000	PENGURUSAN AIR SPV BHD	AAA	5,517,200	5,615,840	4.58%
6,000,000	PENANG PORT SDN BHD	AA- IS	6,020,700	6,529,460	5.33%
3,500,000	PELABUHAN TANJUNG PELEPAS SDN BHD	AA- IS	3,500,000	3,646,580	2.97%
4,100,000	SOUTHERN POWER GENERATION SDN BHD	AA- IS	4,259,220	4,756,147	3.88%
3,450,000	SARAWAK ENERGY BHD	AAA	3,569,330	3,997,916	3.26%
1,000,000	SIME DARBY PROPERTY BHD	AA+ IS	1,000,000	998,210	0.81%

BUTIRAN PELABURAN (SAMB.)**01. A-DANA INCOME (SAMB.)****SUKUK KORPORAT TIDAK TERCATAT (SAMB.)**

Kuantiti	Nama Kaunter	Penarafan	Kos Agregat RM	Nilai Pasaran RM	% Nilai Bersih Aset
2,300,000	TENAGA NASIONAL BHD	AAA	2,464,802	2,640,481	2.15%
400,000	TANJUNG BIN ENERGY ISSUER BHD	AA3	451,880	492,096	0.40%
2,000,000	WEST COAST EXPRESSWAY SDN BHD	AAA (BG)	2,072,300	2,294,435	1.87%
59,950,000			61,477,927	65,572,208	

EKUITI DILULUSKAN SYARIAH TIDAK TERCATAT*

Kuantiti	Nama Kaunter	Penarafan	Kos Agregat RM	Nilai Pasaran RM	% Nilai Bersih Aset
9,000,000	DIALOG GROUP BHD	A1	9,000,000	9,079,470	7.40%
1,000,000	IJM LAND BHD	A2 (S)	1,039,900	1,045,560	0.85%
5,000,000	UMW HOLDINGS BHD	A1	5,000,000	5,643,700	4.60%
15,000,000			15,039,900	15,768,730	

* Kesemua ekuiti patuh Syariah tidak tercatat merujuk kepada Sukuk Subordinat Hayat bagi Dana A-Dana Income dan Dana A-Dana Balanced.

BUTIRAN PELABURAN (SAMB.)

02. A-DANA EQUITY

SAHAM DILULUSKAN SYARIAH TERCATAT

Kuantiti	Nama Kaunter	Kos Agregat RM	Nilai Pasaran RM	% Nilai Bersih Aset
PEMBINAAN				
790,200	AME ELITE CONSORTIUM BHD	1,519,273	1,935,989	0.38%
2,532,400	GAMUDA BHD	9,257,159	9,851,036	1.93%
2,545,700	IJM CORP BHD	6,443,184	4,404,061	0.86%
1,262,000	SUNWAY CONSTRUCTION GROUP BHD	2,484,482	2,372,560	0.47%
BARANGAN PENGGUNA				
1,974,900	MR DIY GROUP M BHD	4,848,435	6,161,688	1.21%
335,100	MBM RESOURCES BHD	1,021,752	1,135,989	0.22%
28,400	NESTLE MALAYSIA BHD	4,061,666	3,944,760	0.77%
628,600	PPB GROUP BHD	10,986,101	11,641,672	2.29%
103,700	PETRONAS DAGANGAN BHD	2,855,829	2,219,180	0.44%
516,300	POH HUAT RESOURCES HOLDINGS BHD	820,643	898,362	0.18%
939,750	QL RESOURCES BHD	4,721,768	5,450,550	1.07%
1,443,158	SIME DARBY BHD	3,338,876	3,333,695	0.65%
TENAGA				
4,466,830	DIALOG GROUP BHD	12,273,312	15,410,564	3.03%
1,160,970	SERBA DINAMIK HOLDINGS BHD	2,042,891	2,043,307	0.40%
529,600	YINSON HOLDINGS BHD	2,234,770	3,045,200	0.60%
KEWANGAN				
576,940	BIMB HOLDINGS BHD	2,498,672	2,457,764	0.48%
750,800	BURSA MALAYSIA BHD	4,779,848	6,231,640	1.22%
518,700	SYARIKAT TAKAFUL MALAYSIA KELUARGA BHD	2,451,455	2,510,508	0.49%
PENJAJAAN KESIHATAN				
1,506,400	HARTALEGA HOLDINGS BHD	10,360,421	18,287,696	3.59%
1,756,100	IHH HEALTHCARE BHD	9,737,734	9,658,550	1.90%
2,086,500	KOSSAN RUBBER INDUSTRIES	6,237,276	9,389,250	1.84%
2,996,542	SUPERMAX CORP BHD	4,988,275	18,009,217	3.54%
4,968,100	TOP GLOVE CORP BHD	9,535,037	30,404,772	5.97%
PRODUK PERINDUSTRIAN				
400,000	KELINGTON GROUP BHD	510,840	676,000	0.13%
2,638,400	PETRONAS CHEMICALS GROUP BHD	16,890,590	19,603,312	3.85%
2,200,400	PRESS METAL ALUMINIUM HOLDINGS BHD	12,692,477	18,461,356	3.63%
2,408,709	SUNWAY BHD	3,522,030	3,878,021	0.76%
1,371,800	VS INDUSTRY BHD	2,992,686	3,552,962	0.70%

BUTIRAN PELABURAN (SAMB.)**02. A-DANA EQUITY (SAMB.)****SAHAM DILULUSKAN SYARIAH TERCATAT (SAMB.)**

Kuantiti	Nama Kaunter	Kos Agregat RM	Nilai Pasaran RM	% Nilai Bersih Aset
PERLADANGAN				
423,000	GENTING PLANTATIONS BHD	4,431,593	4,166,550	0.82%
2,590,300	IOI CORP BHD	11,711,781	11,319,611	2.22%
493,929	KUALA LUMPUR KEPONG BHD	11,793,752	11,696,239	2.30%
1,827,258	SIME DARBY PLANTATION BHD	9,369,733	9,118,017	1.79%
HARTANAH				
245,000	IOI PROPERTIES GROUP BHD	377,276	379,750	0.07%
600,000	LAGENDA PROPERTIES BHD	482,544	726,000	0.14%
1,033,397	MATRIX CONCEPTS HOLDINGS BHD	1,749,758	1,829,113	0.36%
1,684,858	SIME DARBY PROPERTY BHD	1,809,853	1,120,431	0.22%
TEKNOLOGI				
2,685,300	FRONTKEN CORP BHD	5,077,185	9,532,815	1.87%
1,377,700	GLOBETRONICS TECHNOLOGY BHD	3,972,016	3,719,790	0.73%
1,473,700	GREATECH TECHNOLOGY BHD	4,718,756	13,410,670	2.63%
2,788,700	INARI AMERTRON BHD	4,744,499	7,696,812	1.51%
138,700	MY EG SERVICES BHD	250,983	266,304	0.05%
185,100	MALAYSIAN PACIFIC INDUSTRIES BHD	2,722,821	4,805,196	0.94%
823,600	MI TECHNOVATION BHD	3,093,355	3,244,984	0.64%
1,070,400	PENTAMASTER CORP BHD	4,733,936	5,405,520	1.06%
265,000	UNISEM M BHD	1,461,362	1,637,700	0.32%
2,086,700	UWC BHD	1,905,472	20,449,660	4.02%
478,400	VITROX CORP BHD	2,459,585	7,032,480	1.38%
TELEKOMUNIKASI & MEDIA				
3,878,007	AXIATA GROUP BHD	16,391,110	14,503,746	2.85%
2,716,000	DIGI.COM BHD	12,553,248	11,244,240	2.21%
1,014,700	MAXIS BHD	5,625,129	5,124,236	1.01%
842,700	TIME DOTCOM BHD	7,193,603	11,174,202	2.19%
2,080,672	TELEKOM MALAYSIA BHD	8,270,550	11,256,436	2.21%
PENGANGKUTAN & LOGISTIK				
1,492,100	MISC BHD	10,768,915	10,250,727	2.01%
1,111,800	WESTPORTS HOLDINGS BHD	4,330,087	4,780,740	0.94%

BUTIRAN PELABURAN (SAMB.)

02. A-DANA EQUITY (SAMB.)

SAHAM DILULUSKAN SYARIAH TERCATAT (SAMB.)

Kuantiti	Nama Kaunter	Kos Agregat RM	Nilai Pasaran RM	% Nilai Bersih Aset
UTILITI				
225,900	PETRONAS GAS BHD	4,294,261	3,880,962	0.76%
2,715,034	TALIWORKS CORP BHD	2,359,591	2,267,053	0.45%
1,491,000	TENAGA NASIONAL BHD	20,152,153	15,536,220	3.05%
83,275,954		324,912,389	424,545,865	

AMANAH PELABURAN HARTA TANAH (REITs)

Kuantiti	Nama Kaunter	Kos Agregat RM	Nilai Pasaran RM	% Nilai Bersih Aset
3,073,696	AXIS REAL ESTATE INVESTMENT TRUST	5,577,551	6,239,603	1.23%
3,073,696		5,577,551	6,239,603	

03. A-DALI EQUITY

PELABURAN LAIN - DANA MUTUAL

Kuantiti	Nama Kaunter	Kos Agregat RM	Nilai Pasaran RM	% Nilai Bersih Aset
10,399,672	PRINCIPAL ISLAMIC DALI EQUITY GROWTH FUND	13,261,697	11,082,931	93.68%
10,399,672		13,261,697	11,082,931	

BUTIRAN PELABURAN (SAMB.)

04. A-DANA BALANCED

TERBITAN PELABURAN KERAJAAN

Kuantiti	Nama Kaunter	Kos Agregat RM	Nilai Pasaran RM	% Nilai Bersih Aset
3,000,000	ISU KERAJAAN MALAYSIA	3,173,100	3,169,260	3.74%
3,000,000		3,173,100	3,169,260	

SUKUK KORPORAT TIDAK TERCATAT

Kuantiti	Nama Kaunter	Penarafan	Kos Agregat RM	Nilai Pasaran RM	% Nilai Bersih Aset
500,000	AQUASAR CAPITAL SDN BHD	AAA (S)	528,450	582,935	0.69%
800,000	BGSM MANAGEMENT SDN BHD	AA3	813,130	867,987	1.02%
500,000	CELCOM NETWORKS SDN BHD	AA+ IS	503,900	562,205	0.66%
1,000,000	DANUM CAPITAL BHD	AAA (S)	1,087,550	1,107,060	1.31%
500,000	DRB-HICOM BHD	A+ IS	500,000	504,090	0.59%
1,000,000	EDRA SOLAR SDN BHD	AA2	1,000,000	1,037,880	1.22%
1,000,000	EAST KLANG VALLEY EXPRESSWAY SDN BHD	AAA (BG)	1,138,200	1,144,720	1.35%
100,000	JIMAH EAST POWER SDN BHD	AA- IS	107,060	115,163	0.14%
200,000	KIMANIS POWER SDN BHD	AA- IS	207,500	213,554	0.25%
1,000,000	LEADER ENERGY SDN BHD	AA- IS	1,000,000	1,005,940	1.19%
300,000	NORTHPORT MALAYSIA BHD	AA- IS	309,330	324,495	0.38%
1,000,000	PENGURUSAN AIR SPV BHD	AAA	1,004,300	989,450	1.17%
250,000	PRASARANA MALAYSIA BHD	Tidak ditaraf	271,550	294,678	0.35%
2,900,000	SOUTHERN POWER GENERATION SDN BHD	AA- IS	3,162,480	3,333,448	3.93%
1,000,000	SARAWAK ENERGY BHD	AAA	1,022,000	1,158,980	1.37%
200,000	TANJUNG BIN ENERGY ISSUER BHD	AA3	225,940	246,048	0.29%
1,000,000	TRIPLC MEDICAL SDN BHD	AA1	1,007,520	1,114,110	1.31%
2,100,000	TENAGA NASIONAL BHD	AAA	2,241,894	2,401,182	2.83%
15,350,000			16,130,804	17,003,925	

BUTIRAN PELABURAN (SAMB.)**04. A-DANA BALANCED (SAMB.)****SAHAM DILULUSKAN SYARIAH TERCATAT**

Kuantiti	Nama Kaunter	Kos Agregat RM	Nilai Pasaran RM	% Nilai Bersih Aset
BARANGAN PENGGUNA				
3,600	FRASER & NEAVE HOLDINGS BHD	110,115	115,488	0.14%
4,100	NESTLE MALAYSIA BHD	588,250	569,490	0.67%
227,700	MR DIY GROUP M BHD	500,119	710,424	0.84%
32,300	MBM RESOURCES BHD	95,402	109,497	0.13%
198,400	POH HUAT RESOURCES HOLDINGS BHD	262,153	345,216	0.41%
78,180	PPB GROUP BHD	1,372,194	1,447,894	1.71%
110,100	QL RESOURCES BHD	546,849	638,580	0.75%
124,349	SIME DARBY BHD	287,311	287,246	0.34%
PEMBINAAN				
92,300	AME ELITE CONSORTIUM BHD	177,574	226,135	0.27%
323,300	GAMUDA BHD	1,106,294	1,257,637	1.48%
379,000	IJM CORP BHD	926,560	655,670	0.77%
155,900	SUNWAY CONSTRUCTION GROUP BHD	301,301	293,092	0.35%
TENAGA				
493,716	DIALOG GROUP BHD	1,487,561	1,703,320	2.01%
153,700	SERBA DINAMIK HOLDINGS BHD	245,246	270,512	0.32%
68,900	YINSON HOLDINGS BHD	291,989	396,175	0.47%
KEWANGAN				
68,860	BIMB HOLDINGS BHD	297,777	293,344	0.35%
97,900	BURSA MALAYSIA BHD	622,260	812,570	0.96%
39,700	SYARIKAT TAKAFUL MALAYSIA KELUARGA BHD	190,912	192,148	0.23%
PENJAGAAN KESIHATAN				
189,500	HARTALEGA HOLDINGS BHD	1,373,668	2,300,530	2.72%
156,400	IHH HEALTHCARE BHD	871,220	860,200	1.02%
241,800	KOSSAN RUBBER INDUSTRIES	729,381	1,088,100	1.28%
345,715	SUPERMAX CORP BHD	564,862	2,077,747	2.45%
495,700	TOP GLOVE CORP BHD	979,626	3,033,684	3.58%
PRODUK PERINDUSTRIAN				
99,300	KELINGTON GROUP BHD	119,055	167,817	0.20%
306,000	PETRONAS CHEMICALS GROUP BHD	1,955,458	2,273,580	2.68%
249,300	PRESS METAL ALUMINIUM HOLDINGS BHD	1,408,744	2,091,627	2.47%
203,176	SUNWAY BHD	288,006	327,113	0.39%
227,200	VS INDUSTRY BHD	474,944	588,448	0.69%

BUTIRAN PELABURAN (SAMB.)**04. A-DANA BALANCED (SAMB.)****SAHAM DILULUSKAN SYARIAH TERCATAT (SAMB.)**

Kuantiti	Nama Kaunter	Kos Agregat RM	Nilai Pasaran RM	% Nilai Bersih Aset
HARTANAH				
33,500	IOI PROPERTIES GROUP BHD	51,371	51,925	0.06%
400,000	LAGENDA PROPERTIES BHD	321,696	484,000	0.57%
123,262	MATRIX CONCEPTS HOLDINGS BHD	194,845	218,174	0.26%
140,000	SIME DARBY PROPERTY BHD	131,770	93,100	0.11%
PERLADANGAN				
48,600	GENTING PLANTATIONS BHD	531,725	478,710	0.56%
318,400	IOI CORP BHD	1,452,416	1,391,408	1.64%
58,320	KUALA LUMPUR KEPONG BHD	1,396,889	1,381,018	1.63%
223,949	SIME DARBY PLANTATION BHD	1,134,837	1,117,506	1.32%
TELEKOMUNIKASI & MEDIA				
462,386	AXIATA GROUP BHD	1,951,673	1,729,323	2.04%
324,100	DIGI.COM BHD	1,464,668	1,341,774	1.58%
117,700	MAXIS BHD	640,830	594,385	0.70%
63,300	TIME DOTCOM BHD	520,037	839,358	0.99%
254,337	TELEKOM MALAYSIA BHD	1,000,267	1,375,963	1.62%
PENGANGKUTAN & LOGISTIK				
173,600	MISC BHD	1,291,320	1,192,632	1.41%
135,800	WESTPORTS HOLDINGS BHD	529,786	583,940	0.69%
TEKNOLOGI				
326,200	FRONTKEN CORP BHD	660,079	1,158,010	1.37%
168,500	GLOBETRONICS TECHNOLOGY BHD	485,669	454,950	0.54%
195,000	GREATECH TECHNOLOGY BHD	594,766	1,774,500	2.09%
401,000	INARI AMERTRON BHD	697,634	1,106,760	1.31%
61,100	MALAYSIAN PACIFIC INDUSTRIES BHD	745,789	1,586,156	1.87%
15,600	MY EG SERVICES BHD	28,229	29,952	0.04%
148,400	MI TECHNOVATION BHD	563,864	584,696	0.69%
117,600	OMESTI BHD	89,750	62,916	0.07%
151,300	PENTAMASTER CORP BHD	671,194	764,065	0.90%
21,000	UNISEM M BHD	127,981	129,780	0.15%
322,450	UWC BHD	252,496	3,160,010	3.73%
52,300	VITROX CORP BHD	269,142	768,810	0.91%
UTILITI				
29,300	PETRONAS GAS BHD	552,014	503,374	0.59%
141,066	TALIWORKS CORP BHD	121,449	117,790	0.14%
206,000	TENAGA NASIONAL BHD	2,758,722	2,146,520	2.53%
10,400,166		39,407,739	52,354,789	

BUTIRAN PELABURAN (SAMB.)**04. A-DANA BALANCED (SAMB.)****EKUITI DILULUSKAN SYARIAH TIDAK TERCATAT***

